

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (7)
Tarikh : 18 Jun 2014

**Ketua Pengarang
Nam Naadu**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR NAM NAADU BERTAJUK "USAHA
BALAKRISHNAN YANG BERUMUR 31 TAHUN UNTUK MENDAPATKAN
KAD PENGENALAN" BERTARIKH 13 JUN 2014, JUMAAT – M.S: 3**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Balakrishnan A/L Batumalai berkenaan permasalahan beliau yang tidak memiliki kad pengenalan.
3. Untuk makluman, Encik Balakrishnan A/L Batumalai telah mendapatkan salinan (extraction) sijil kelahiran beliau di JPN Tapah, Perak pada tahun 2012 dan juga telah mengemukakan permohonan daftar lewat kad pengenalan pada tahun 2013 dengan mengemukakan dua (2) orang saksi kerana menurutnya, beliau telah ditinggalkan oleh ibu bapanya kepada seorang rakan semasa kecil.
4. Walaubagaimanapun kes beliau telah dirujuk ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK) untuk siasatan lanjut kerana didapati terdapat percanggahan pada fakta yang dikemukakan oleh beliau dan dua (2) orang saksi yang dinamakan semasa sesi temuduga daftar lewat kad pengenalan dijalankan. Hasil semakan jabatan juga mendapati bahawa ibu bapa beliau masih hidup dan tinggal berdekatan dengan tempat tinggal Encik Balakrishnan A/L Batumalai.

5. Sehubungan dengan itu, JPN Ipoh telah menasihatkan beliau untuk hadir bersama dengan ibu bapa di JPN Ipoh untuk membolehkan permohonan kad pengenalan beliau diproses sebagaimana ketetapan dibawah Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007).

6. Sehingga kini Encik Balakrishnan A/L Batumalai belum mengemukakan permohonan sebagaimana yang dikehendaki.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)